Dalam Perkara Siasatan/Inkues Terhadap Kematian Benedict Thanilas

MAHKAMAH KHAS KORONER (KUALA LUMPUR) — INKUES NO WA-65B-1–06 TAHUN 2019
MAHYON TALIB M
30 OKTOBER 2020

Prosedur Jenayah — Inkuiri koroner — Prosiding Inkues — Si mati tidak diberikan ubat-ubatan — Sama ada terdapat keterangan khusus tentang masa kematian si mati — Sama ada si mati telah meninggal dunia kerana kecuaian polis — Sama ada sesiapa terlibat secara jenayah dengan kematian si mati — Kanun Tatacara Jenayah s 337

Prosiding inkues ini dijalankan berikutan dengan kematian Benedict a/l Thanilas ('si mati'). Si mati telah ditangkap polis semasa beliau berada di rumahnya pada 29 Jun 2017. Dari masa si mati ditangkap dan ditahan polis di lokap, semua anggota-anggota polis yang terlibat di dalam proses penahanan si mati di Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur menyedari bahawa si mati merupakan seorang yang tidak sihat, berpenyakit kronik dan memerlukan pelbagai ubat-ubatan untuk hidup. Si mati tidak dapat mengambil semua ubat-ubatan yang diperlukannya dan ini telah menyumbang/menyebabkan kematian beliau. Pihak Hospital Kuala Lumpur telah mengesahkan si mati telah dibawa ke hospital di dalam keadaan dibawa dalam keadaan mati atau 'brought in dead'. Laporan bedah siasat serta keterangan doktor pakar bedah mengesahkan bahawa si mati telah mati akibat tidak makan ubat yang diperlukan untuk hidup. Segala keterangan yang dikemukakan di mahkamah juga menunjukkan bahawa anggota-anggota polis yang bertugas juga tidak menunjukkan sebarang kesungguhan untuk menjaga si mati agar beliau berada di dalam keadaan baik. Dari masa beliau ditahan di Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur, anggota-anggota polis yang bertugas telah gagal dan cuai di dalam melaksanakan tugas-tugas mereka bagi mendapatkan rawatan kecemasan secepat mungkin di dalam kes ini. Perkara tersebut telah menyebabkan kematian si mati semasa beliau berada di dalam tahanan pihak polis. Dalam membuat keputusan, mahkamah telah memutuskan lima perkara berikut: (a) bilakah si mati meninggal dunia; (b) di manakah si mati meninggal dunia; (c) bagaimana si mati telah meninggal dunia; (d) dalam apa cara si mati meninggal dunia; dan (e) adakah sesiapa terlibat secara jenayah dengan kematian si mati.

Diputuskan:

(1) Berdasarkan keterangan saksi-saksi termasuk pegawai penyiasat kes (SI3), mahkamah mendapati di atas imbangan kebarangkalian si mati telah menemui ajalnya akibat 'acute infarct myocardium' iaitu serangan jantung. Bersandarkan dari keseluruhan keterangan yang telah dihadapkan di mahkamah, terdapat unsur-unsur kecuaian berkaitan dengan penahanan si mati di Lokap Berpusat Jinjang Kuala Lumpur (lihat perenggan 40).

(2) Si mati adalah Benedict a/l Thanilas, seorang lelaki berbangsa India yang berusia 44 tahun ketika meninggal dunia pada 10 Julai 2017. Kematian si mati telah diumumkan pada 6.06 pagi kerana tiada tanda-tanda kehidupan selepas rawatan CPR dan resusitasi diberikan kepada si mati. Laporan mengesahkan bahawa si mati dibawa ke hospital dalam keadaan telah meninggal dunia (brought in dead) kerana tiada tanda-tanda kehidupan semasa tiba di hospital. Tiada keterangan yang jelas berhubung masa kematian sebenar si mati. Kemungkinan si mati meninggal dunia pada atau sebelum 6.06 pagi (lihat perenggan 46(a)–(b)).

(3) Si mati telah meninggal dunia di tempat kejadian iaitu di Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur iaitu tempat si mati ditahan. Walaupun saksi-saksi anggota lokap iaitu SI2, SI18 dan SI24 mengatakan si mati masih bernafas lemah dan matanya masih bergerak sewaktu dibawa ke hospital, fakta tersebut tidak dapat dibuktikan secara konklusif. Tiada pergerakan atau pernafasan si mati yang dapat dilihat melalui rakaman CCTV. Telah disahkan bahawa si mati dibawa mati ke hospital (lihat perenggan 46(c)).

(4) Si mati meninggal dunia akibat serangan sakit jantung ekoran daripada salur darah jantung dan salur darah pintasan yang tersumbat, akibat penyakit darah tinggi, kencing manis dan strok. Sebab kematian si mati ditemui hasil daripada bedah siasat si mati. Laporan post mortem I24 mengesahkan bahawa si mati meninggal dunia disebabkan oleh '1a acute myocardial infarction due to; 1b coronary bypass graft disease; and 1c hypertension, diabetes mellitus and stroke'. Berdasarkan laporan post mortem, dapat disimpulkan sebab kematian si mati adalah akibat serangan sakit jantung (lihat perenggan 46(d)–(e)).

(5) Daripada keseluruhan keterangan, dapat dirumuskan jelas punca kematian si mati adalah disebabkan oleh serangan jantung. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa kemungkinan terdapat pengabaian salah ('unlawful omission') dari pihak polis sehingga menyebabkan kematian si mati dengan cara tidak memberikan ubat-ubatan untuk penyakitnya dan tidak membuat tindakan-tindakan sewajarnya bagi memastikan kesihatan si mati sentiasa dalam keadaan yang baik dan terkawal. Sekiranya si mati diberikan ubat mengikut jadual dan si mati diberikan rawatan segera, berkemungkinan kematian si mati dapat

dielakkan. Pihak lokap seharusnya memastikan rawatan dan perhatian penuh diberikan terutamanya apabila pihak lokap sendiri yang mengambil keputusan untuk menerima tahanan-tahanan berisiko tinggi dan mempunyai pelbagai penyakit kronik seperti si mati. Ketinggalan atau kegagalan pihak Penjara Berpusat Jinjang menggunakan kuasa mereka di bawah peruntukan undang-undang yang telah dinyatakan telah turut menyumbang kepada kematian si mati (lihat perenggan 46(f)–47).

[English summary

This inquest proceeding was conducted following the death of Benedict s/o Thanilas ('the deceased'). The deceased was arrested by the police when he was at his house on 29 June 2017. From the time he was arrested and detained in the police lockup, all of the police officers involved in the arrest process of the deceased at the Jinjang Centralised Lockup, Kuala Lumpur realised that the deceased was unhealthy and had a chronic disease which required various medications to stay alive. The deceased was unable to take all the medications he needed and this had contributed/caused his death. The Kuala Lumpur Hospital had confirmed that the deceased was brought in dead to the hospital. The autopsy as well as the surgeon's oral evidence confirmed that the deceased had died due to not taking the necessary medications to stay alive. All the evidence adduced in court also showed that the police officers on duty did not show any desire to care for the deceased to ensure that he was in good health. From the time he was detained in the Jinjang Centralised Lockup, Kuala Lumpur, the police officers on duty had failed and was negligent in carrying out their duties to ensure that urgent emergency treatment was obtained in this case. The said fact had caused the death of the deceased while he was in police custody. In coming to its decision, the court had determined the following five matters: (a) when did the deceased die; (b) where the deceased die; (c) how did the deceased die; (d) in what way did the deceased die; and (e) was anyone criminally involved with the death of the deceased.

Held:

(1) Based on the evidence of the witnesses including the investigating officer (SI3), the court found that on a balance of probabilities the deceased had found his demise due to an acute infract myocardium which is a heart attack. Based on the totality of the evidence which was brought before the court, there were elements of negligence concerning the death of the deceased in the Jinjang Centralised Lockup Kuala Lumpur (see para 40).

(2) The deceased was Benedict s/o Thanilas, an Indian male aged 44 years old when he died on 10 July 2017. The death of the deceased was pronounced at 6.06am due to no sign of life when CPR was administered and resuscitation was given to the deceased. The report confirmed that the deceased was brought in dead to the hospital due to no sign of life

when he arrived at the hospital. There was no clear evidence concerning the actual time of death of the deceased. The deceased had probably died on or before 6.06am (see para 46(a)–(b)).

(3) The deceased died at the place of the incident which was the Jinjang Centralised Lockup, Kuala Lumpur being the place he was detained. Eventhough the witnesses of the lockup officers namely SI2, SI18 and SI24 stated that the deceased was still faintly breathing and his eyes were still moving when he was brought to the hospital the said facts could not be conclusively proven. There was no movement of breathing on the deceased which can be seen through the CCTV recording, it was confirmed that the deceased was brought dead to the hospital (see para 46(c)).

(4) The deceased died due to a heart attack following a blood vessel and a bypass vessel which was blocked, due to high blood pressure, diabetes and stroke. The cause of death of the deceased was found from the post mortem. The post mortem report I24 confirmed that the deceased had died due to: 1a acute myocardial infarction due to; 1b coronary bypass graft disease; and 1c hypertension, diabetes mellitus and stroke. Based on the post mortem report, it was concluded that the cause of death of the deceased was due to a heart attack (see para 46(d)–(e)).

(5) From the entirety of the evidence, it was concluded that the cause of death of the deceased was due to a heart attack. That being the case, it could not be denied that there was a probability of an unlawful omission on the part of the police which cause the death of the deceased by not giving the medications for his diseases and did not take the necessary steps to ensure the deceased was always in good health and controlled. Had the deceased been given the medication according to schedule and the deceased was given immediate treatment, it was likely that his death could have been avoided. The lockup should ensure the treatment and attention was given especially when the lockup made the decision to receive high risk detainees and had multiple chronic diseases like the deceased. An omission or failure of the Jinjang Central Prison to use their powers under the legal provisions as stated had also contributed to the death of the deceased (see paras 46(f)–47).]

Kes-kes yang dirujuk

Ganga Gowri a/p Raja Sundram lwn Pendakwa Raya [2012] 9 MLJ 733; [2012] 7 CLJ 180; [2012] 1 MLHRU 1, MT (diikut)
PP v Shanmugam & Ors [2002] 6 MLJ 562; [2002] 1 LNS 160, MT (dirujuk)
Teoh Meng Kee v PP [2014] 5 MLJ 741; [2014] 7 CLJ 1034, MR (diikut)
Chandran Perumal, In re [2015] 5 LNS 108; [2015] MLRSU 8 (dirujuk)
Loh Kah Kheng (deceased), Re [1990] 2 MLJ 126; [1990] 1 CLJ 823; [1990] 2 CLJ Rep 156, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Tatacara Jenayah ss 328, 337
Perlembagaan Persekutuan

Nurliyana Mohd Jafri (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak Jabatan Peguam Negara.

Mahyon Talib M:

PENDAHULUAN

[1] Prosiding inkues ini dijalankan berikutan dengan kematian Benedict a/l Thanilas. Si mati telah ditangkap polis semasa beliau berada di rumahnya pada 29 Jun 2017. Dari masa si mati ditangkap dan ditahan polis di lokap, semua anggota-anggota polis yang terlibat di dalam proses penahanan si mati di Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur menyedari bahawa si mati merupakan seorang yang tidak sihat, berpenyakit kronik dan memerlukan pelbagai ubat-ubatan untuk hidup. Si mati tidak dapat mengambil semua ubat-ubatan yang diperlukannya dan ini telah menyumbang/menyebabkan kematian beliau.

[2] Berikutan itu serta selaras dengan Arahan Amalan Ketua Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2014 di lampiran A perenggan 3 D(3) dipetik:

> 3 When should an inquest be held?
>
> D Categories of cases in which an inquest should usually be held
>
> (3) Any death in which the views of the family or other significant members of the public are such that an inquest is likely to assist maintain public confidence in the administration of justice, health services or other public agencies.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

[3] Tugas seorang koroner dalam sesuatu prosiding khas mengenai siasatan kematian atau inkues adalah seperti diperuntukkan bawah s 337 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') yang berbunyi seperti berikut:

> 337 Siasatan hendaklah dibuat oleh majistret.
>
> Seseorang majistret yang menjalankan sesuatu siasatan itu hendaklah menyelidiki bila, di mana, bagaimana dan apa caranya si mati itu menemui ajalnya dan sama ada mana-mana orang ada terlibat secara jenayah di dalam sebab-sebab kematian itu.

Berdasarkan s 337 KTJ seperti dinyatakan di atas, hakim Mahkamah Tinggi YA Tuan Kamardin Hashim (pada masa itu) dalam kes *Ganga Gowri a/p Raja Sundram lwn Pendakwa Raya* [2012] 9 MLJ 733 di ms 744; [2012] 7 CLJ 180 di ms 192; [2012] 1 MLHRU 1, telah membuat kesimpulan bahawa tugas

seorang majistret yang bertindak sebagai koroner adalah untuk memutuskan lima perkara berikut:

(a) bilakah si mati meninggal dunia;

(b) di manakah si mati meninggal dunia;

(c) bagaimana si mati telah meninggal dunia;

(d) dalam apa cara si mati meninggal dunia; dan

(e) adakah sesiapa terlibat secara jenayah dengan kematian si mati.

[4] Dalam menjalankan sesuatu siasatan kematian, perhatian seseorang majistret mestilah dibawa kepada peruntukan di bawah s 328 KTJ dalam menentukan sebab kematian seseorang si mati. Seksyen 328 KTJ memberi definisi sebab kematian seperti berikut:

> 328 Erti 'sebab kematian'
>
> Dalam bab ini perkataan 'sebab kematian' termasuklah bukan sahaja sebab kematian yang nyata yang boleh ditentukan melalui pemeriksaan atau post-mortem terhadap badan si mati itu, tetapi juga semua perkara yang perlu untuk membolehkan suatu pendapat dibuat bagaimana si mati itu menemui ajalnya dan sama ada kematiannya disebabkan atau dipercepatkan oleh perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh mana-mana orang.

BEBAN PEMBUKTIAN

[5] Dalam menilai segala dokumen-dokumen, percakapan saksi-saksi serta hasil siasatan pegawai penyiasat, saya adalah terikat kepada beban pembuktian sepertimana dinyatakan oleh HMR YA Mah Weng Kwai dalam kes *Teoh Meng Kee v Public Prosecutor* [2014] 5 MLJ 741 di ms 776, perenggan 112; [2014] 7 CLJ 1034 di ms 1079, perenggan 111:

> It will be noted that s 328 of the CPC speaks of 'opinion'. The section does not stipulate what the standard of proof that has to be applied in an inquiry of death. Although s 328 of the CPC is silent on the standard of proof, of course, it cannot be said that there is no standards to be applied. That would be an unacceptable position in law. *I am of the view that all that is required of the magistrate is to arrive at an opinion applying the balance of probabilities (civil) standard test on objective basis. There must be sufficient evidence to arrive at an opinion, in particular whether the death resulted in any way from or was accelerated by any unlawful act or omission on the part of any other person.* (Penekanan ditambah.)

[6] Dalam kes inkues *Re Loh Kah Kheng (deceased)* [1990] 2 MLJ 126; [1990] 1 CLJ 823; [1990] 2 CLJ Rep 156, hakim Mohammed Dzaiddin (pada masa itu) telah menggariskan prinsip penting bagi seseorang koroner yang menjalankan siasatan kematian seperti berikut:

A

> ... the magistrate holds an inquiry by examining witnesses on oath and while usually following the ordinary rules of evidence, he may admit any evidence which he thinks fit, especially hearsay evidence. His duty is to ascertain the cause of death and he is not bound to follow usual procedure of law court.

B

Dalam perenggan terakhir, YA hakim tersebut menyatakan:

> I am, therefore of the opinion that so long as the learned magistrate was satisfied that there was evidence, in whatever form or manner elicited and whether admissible or not, which could assist her in establishing the cause of death of the deceased, she was perfectly entitled to know and take cognizance of it.

C

LATAR BELAKANG

[7] Si mati telah ditangkap polis semasa beliau berada di rumahnya pada 29 Jun 2017. Dari masa si mati ditangkap dan ditahan polis di lokap, semua
D anggota-anggota polis yang terlibat di dalam proses penahanan si mati di Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur menyedari bahawa si mati merupakan seorang yang tidak sihat, berpenyakit kronik dan memerlukan pelbagai ubat-ubatan untuk hidup. Si mati tidak dapat mengambil semua ubat-ubatan yang diperlukannya dan ini telah menyumbang/menyebabkan kematian
E beliau.

[8] Pihak Hospital Kuala Lumpur telah mengesahkan si mati telah dibawa ke hospital di dalam keadaan 'dibawa dalam keadaan mati' atau 'brought in dead'. Laporan bedah siasat serta keterangan doktor pakar bedah mengesahkan
F bahawa si mati telah mati akibat tidak makan ubat yang diperlukan untuk hidup. Segala keterangan yang dikemukakan di mahkamah juga menunjukkan bahawa anggota-anggota polis yang bertugas juga tidak menunjukkan sebarang kesungguhan untuk menjaga si mati agar beliau berada di dalam keadaan baik. Dari masa beliau ditahan di Lokap Berpusat Jinjang, Kuala
G Lumpur, anggota-anggota polis yang bertugas telah gagal dan cuai di dalam melaksanakan tugas-tugas mereka bagi mendapatkan rawatan kecemasan secepat mungkin di dalam kes ini. Semua ini telah menyebabkan kematian si mati semasa beliau berada di dalam tahanan pihak polis.

H

KETERANGAN SAKSI

[9] Secara keseluruhannya, seramai 25 orang saksi telah dipanggil untuk memberikan keterangan dan senarai saksi-saksi adalah seperti berikut:

I

Bil	Nama	Peranan	Saksi
1	KPL Ruhaizan bt Alias	Jurufoto	SI1
2	L/KPL Mohd Nasri bin Mohd Hashim	Anggota lokap	SI2
3	ASP Shaharuddin bin Rajab	Pegawai penyiasat	SI3

4	L/KPL Mohd Azman bin Hamdan	Anggota lokap	SI4
5	KPL Mohd Haziman bin Jalil	Anggota lokap	SI5
6	L/KPL Mohamad Hafaezul bin Zulkifly	Anggota lokap	SI6
7	L/KPL Mohamad Ridzuan bin Semin	Anggota lokap	SI7
8	Konstabel Joevius Denny Suprin	Anggota lokap	SI8
9	KPL Zulkifli bin Yahya	Anggota lokap	SI9
10	KPL Mohad Azami bin Ahamad Noor	Anggota lokap	SI10
11	L/KPL Nazari bin Johny	Anggota lokap	SI11
12	KPL Mohammad Syazwan bin Rozmi	Anggota lokap	SI12
13	KPL Mazlan bin Raduan	Anggota lokap	SI13
14	KPL Nik Khairul Azwan bin Nik Razali	Anggota lokap	SI14
15	L/KPL Firhan Afiq bin Mohamad Nor	Anggota lokap	SI15
16	Govinda Raj a/l Balakersnan	Ahli kimia	SI16
17	Dr Haryanti bt Ramli	Doktor merawat si mati	SI17
18	L/KPL Muhammad Hafiz bin Hassan	Anggota lokap	SI18
19	Dr Ahmad Hafizam bin Hasmi	Doktor post mortem	SI19
20	L/KPL Mohamad Hakimi bin Hawari	Anggota lokap	SI20
21	Chee Kin Kuan	Cellmate si mati	SI21
22	ASP Mohammad Syamsul Irwan bin Hashim	Ketua Lokap Berpusat Jinjang terkini	SI22
23	Janagi a/p Nadarajah	Balu si mati	SI23
24	SJN Arifin bin Ismail	Anggota Lokap	SI24
25	ASP Edmond Wong Meng Tian	Ketua Lokap Berpusat Jinjang ketika kejadian berlaku	SI25

[10] Balu si mati, SI23 telah menyerahkan sendiri ubat-ubatan si mati kepada polis di IPD Sentul. SI23 dimaklumkan si mati akan ditahan selama 60 hari. Pada jam 6.30 petang, si mati telah dimasukkan ke Lokap Berpusat Jinjang bersama ubat-ubatannya.

[11] Pada 3 Julai 2017, SI23 ada mengambil surat untuk membuat lawatan ke Lokap Berpusat Jinjang. SI23 kemudiannya telah melawat si mati dan berbual dengan si mati.

[12] Si mati telah dibawa keluar dari Lokap Berpusat Jinjang pada 6 Julai 2017 bagi tujuan merakam percakapan oleh Inspektor Shahrizan. Si mati kembali semula ke Lokap Berpusat Jinjang pada hari yang sama.

[13] Pada 10 Julai 2017 jam lebih kurang 5.10 pagi, si mati rebah di dalam selnya ketika sedang membuang air kecil. Si mati rebah dan dipangku oleh SI21 iaitu rakan sel si mati. Rakan sel si mati telah memanggil salah seorang anggota lokap iaitu SI4 dan minta bantuan.

[14] SI4 kemudian memaklumkan kepada SI24 kerana SI24 merupakan ketua anggota lokap pada hari kejadian. Si mati telah diusung oleh beberapa tahanan lain ke sel sementara sebelum dibawa ke hospital. Si mati diletakkan di dalam sel sementara bersama beberapa tahanan lain kira-kira 30 minit. Kemudian si mati diusung menggunakan *stretcher* sebelum menaiki kereta polis untuk ke hospital.

[15] Pada 5.40 pagi, si mati dibawa ke Hospital Kuala Lumpur oleh anggota lokap iaitu SI2 dan SI18. Si mati telah disahkan meninggal dunia pada jam 6.06 pagi oleh SI17, iaitu doktor yang bertugas di jabatan kecemasan Hospital Kuala Lumpur. SI17 sahkan bahawa si mati telah dibawa masuk mati ke hospital.

[16] SI2 kemudiannya telah membuat laporan polis FIR (I5). Pada jam 8 pagi, pegawai penyiasat SI3 bersama anggotanya datang ke tempat kejadian.

[17] Mayat si mati kemudiannya telah diarahkan untuk dibuat post mortem atas arahan YA Puan Koroner Dr Noradura Hamzah. Post mortem dijalankan pada hari yang sama jam 12.11 tengah hari oleh SI19. Balu si mati, SI23 hadir untuk pengecaman mayat si mati.

SEJARAH KESIHATAN SI MATI

[18] Menurut balu si mati SI23, sewaktu tangkapan ke atas si mati dilakukan, beliau telah memaklumkan kepada anggota polis bahawa si mati dalam keadaan sakit. Si mati pernah mengalami strok, kencing manis, darah

tinggi dan pernah menjalani pembedahan pintasan jantung (*bypass operation*) sebelum ini. SI23 juga memaklumkan kepada anggota polis bahawa si mati tidak boleh berjalan dengan stabil dan berada dalam keadaan yang sangat teruk ketika itu. Selain itu, SI23 juga ada menunjukkan ubat-ubatan dan dokumen perubatan si mati kepada anggota polis bagi mengesahkan status kesihatan si mati. Namun, perkara ini tidak diendahkan oleh anggota polis. Sebaliknya, si mati ditangkap dan terus dibawa ke IPD Sentul.

[19] SI23 kemudiannya telah menyerahkan sendiri ubat-ubatan si mati kepada pihak polis di IPD Sentul. SI23 turut menerangkan kepada anggota polis cara pengambilan ubat dan berapa kali dalam sehari si mati perlu mengambil ubat. SI23 juga ada memberitahu kepada pihak polis bahawa si mati perlu mengambil pelbagai jenis ubat setiap hari. Kesihatan si mati akan merosot sekiranya si mati tidak mengambil ubat. Keterangan SI23 ini disokong dan dibuktikan oleh ubat-ubatan yang mempunyai label nama si mati (I16) dan buku rekod rawatan si mati di IJN (I29).

[20] Keterangan SI23 turut disokong oleh keterangan doktor yang menjalankan post mortem, SI19 di mana beliau telah mengesahkan bahawa si mati mempunyai penyakit strok, kencing manis, darah tinggi, sakit jantung dan si mati sememangnya pernah menjalani pembedahan pintasan jantung. Keterangan SI19 juga dibuktikan melalui laporan post mortem (I24).

[21] SI25, ketua Lokap Berpusat Jinjang sewaktu kejadian berlaku mengesahkan bahawa beliau mengetahui akan keadaan kesihatan si mati yang teruk semasa beliau mula-mula dimasukkan ke lokap tersebut. Walaupun bantahan dibuat, SI25 terpaksa menerima si mati untuk ditahan di lokap berikutan arahan pegawai atasan. Fakta ini menunjukkan bahawa keadaan kesihatan si mati yang teruk sememangnya berada dalam pengetahuan pihak lokap sejak awal.

[22] Keterangan-keterangan saksi sepertimana di atas jelas menunjukkan bahawa si mati sememangnya berada dalam keadaan sakit dan menghidap pelbagai penyakit kronik termasuklah darah tinggi, kencing manis dan sakit jantung ketika si mati ditahan. Oleh yang demikian, si mati wajib diberikan perhatian yang lebih serta penjagaan yang rapi sewaktu dalam tahanan.

PEMBERIAN UBAT KEPADA SI MATI

[23] Kebanyakan saksi anggota Lokap Berpusat Jinjang mengesahkan bahawa mereka tidak pernah memberikan ubat kepada si mati sepanjang mereka lakukan rondaan. Mereka juga tidak mengetahui keadaan kesihatan si mati sepanjang si mati berada dalam tahanan. Mereka mengatakan nampak si

mati dalam keadaan biasa sahaja dan si mati tidak pernah mengadu sakit kepada mereka ketika rondaan dijalankan.

[24] Saksi-saksi anggota lokap memberikan keterangan bahawa prosedur biasa bagi pemberian ubat kepada tahanan adalah anggota perlu memberikan ubat hanya apabila diminta oleh tahanan tersebut. Sekiranya tidak diminta, anggota lokap tidak akan memberikan ubat kepada seseorang tahanan. Hal ini kerana ubat-ubat tidak dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam sel tahanan dan akan disimpan di bahagian pendaftaran. Sekiranya tahanan meminta untuk makan ubat, barulah tahanan akan dibawa masuk ke sana oleh anggota sentri untuk makan ubat. Timbul kemusykilan di sini bagi seseorang yang mempunyai pelbagai penyakit kronik dan mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap ubat untuk tidak pernah meminta ubat daripada mana-mana anggota lokap sepanjang rondaan dibuat.

[25] Walau bagaimanapun, rakaman CCTV yang dikemukakan di mahkamah hanyalah rakaman CCTV bagi tarikh-tarikh dan masa-masa tertentu sahaja bertujuan untuk menunjukkan pergerakan keluar masuk si mati. Tiada rakaman CCTV yang menunjukkan perlakuan anggota lokap memberikan ubat kepada si mati. Pengambilan ubat oleh si mati juga merupakan suatu pergerakan si mati yang pastinya dapat dirakam melalui rakaman CCTV memandangkan si mati perlu dibawa keluar dari sel untuk makan ubat.

[26] Keterangan rakan sel si mati iaitu SI21 juga mengesahkan bahawa tidak nampak si mati makan ubat sepanjang setengah hari duduk bersama dengan si mati dalam sel tersebut. Keterangan SI21 mengatakan ada nampak si mati memegang beg plastik berkemungkinan mengandungi ubat. Akan tetapi, fakta ini tidak dapat dibuktikan dengan konklusif kerana SI21 sendiri tidak pernah memeriksa kandungan beg plastik tersebut. Tambahan pula, terdapat keterangan daripada SI5 yang mengatakan ubat-ubatan adalah dilarang untuk dibawa masuk ke sel dan akan disimpan di laci atau almari di bahagian pendaftaran. Maka, adalah mustahil untuk si mati dibenarkan untuk membawa ubat-ubatan masuk ke dalam sel bersama-samanya. SI6 turut mengesahkan beliau ada bersama ketika SI5 menyimpan ubat-ubatan si mati di laci/almari belakang bahagian pendaftaran sewaktu si mati mula-mula masuk ke lokap tersebut.

[27] Fakta bahawa tiada ubat diberikan kepada si mati disokong oleh keterangan ahli kimia, SI16 yang mengatakan bahawa hasil laporan kimia toksikologi (I19) mendapati tiada apa-apa ubat-ubatan yang telah ditemui di dalam urin dan darah si mati kecuali 0.05 microgram lidocaine. Namun, lidocaine ini bukanlah ubat yang digunakan untuk merawat mana-mana penyakit, tetapi cuma bertindak sebagai painkiller untuk mengurangkan

kesakitan. Menurut SI16, lidocaine yang dijumpai dalam darah si mati ini kemungkinan diberikan semasa si mati dibawa ke hospital, dan bukanlah ketika dalam tahanan memadangkan jangka hayat lidocaine hanyalah dari 0.7 sehingga 1.8 jam.

RAKAMAN CCTV

[28] Rakaman CCTV yang dikemukakan ke mahkamah juga tidak lengkap. Rakaman CCTV tersebut hanyalah diekstrak daripada sistem kawalan/server pada tarikh-tarikh dan masa tertentu bagi menunjukkan pergerakan keluar masuk si mati. Namun begitu, tiada rakaman CCTV yang menunjukkan si mati ada diberikan ubat atau makan ubat sepanjang dalam tahanan. Rakaman ini penting bagi membuktikan sekiranya benar si mati ada diberikan ubat oleh mana-mana anggota lokap sebagaimana keterangan mereka di mahkamah.

[29] Di dalam rakaman CCTV juga terdapat beberapa orang tahanan yang telah membantu mengangkat si mati dari selnya ke sel sementara dan telah duduk sebentar di dalam sel sementara tersebut. Beberapa orang daripada tahanan ini juga ada membantu untuk memeriksa keadaan si mati dengan menyentuh tangan dan memeriksa nadinya semasa berada dalam sel sementara.

[30] SI25 yang merupakan ketua Lokap Berpusat Jinjang ketika kejadian mengesahkan bahawa beliaulah yang telah mengekstrak rakaman CCTV daripada sistem kawalan atau *server*. Walau bagaimanapun, tiada keterangan yang jelas daripada beliau mahupun SI3 sebagai pegawai penyiasat berkenaan mengapa rakaman penuh CCTV sejak si mati mula masuk hinggalah ke hari si mati meninggal dunia tidak diambil dan dikemukakan ke mahkamah bagi membantu mahkamah dalam membuat keputusan. Alasan yang diberikan oleh SI25 adalah rakaman CCTV tersebut diekstrak untuk ditunjukkan kepada OCPD berkenaan kejadian yang berlaku dan OCPD tidak minta agar rakaman CCTV berkenaan pemberian ubat juga diekstrak sekali. Timbul kemusykilan di sini kerana bagaimana seseorang itu ingin mendapatkan keseluruhan gambaran kejadian jika sebahagian sahaja rakaman CCTV yang diekstrak?

SIASATAN PEGAWAI PENYIASAT

[31] Siasatan yang dijalankan oleh pegawai penyiasat, SI3 tidak menyeluruh dan komprehensif. Tiada penjelasan diberikan berhubung mengapa rakaman CCTV penuh sejak dari mula si mati masuk ke Lokap Berpusat Jinjang sehinggalah hari si mati meninggal dunia tidak dikemukakan ke mahkamah. SI3 turut mengakui hanya melihat rakaman CCTV pada hari kejadian si mati

rebah sewaktu lawatan ke tempat kejadian dibuat. SI3 juga memberikan alasan bahawa tidak boleh melihat rakaman CCTV yang diperolehi daripada pihak lokap kerana komputernya tidak boleh *read* CD tersebut dan tiada usaha lain daripada SI3 untuk melihat rakaman CCTV tersebut.

[32] Seharusnya siasatan melibatkan kematian dalam tahanan dibuat dengan lebih menyeluruh dan terperinci sebagaimana siasatan dalam kes bunuh. Hal ini kerana, isu kematian dalam tahanan akan mewujudkan tohmahan kepada pihak polis kerana gagal untuk menjaga kebajikan tahanan sewaktu dalam lokap. Oleh itu, segala keterangan dalam apa jua bentuk hendaklah diperolehi dan dikemukakan bagi menepis tohmahan ini. Malang sekali ini tidak dilaksanakan dalam inkues ini.

[33] Selain itu, tiada juga penjelasan berhubung hasil analisa spesimen perut dan hempedu yang diambil daripada SI19. Hasil analisa kedua-dua spesimen ini penting bagi membuktikan kandungan perut dan hempedu si mati sama ada terkandung ubat-ubatan/makanan ataupun tidak. Fakta ini disokong oleh SI16 dan SI19.

[34] Walaupun SI3 telah ditukarkan ke tempat bertugas yang lain dan siasatan telah lama dijalankan, seharusnya SI3 bersedia dengan jawapan bagi menjelaskan siasatan yang dijalankan olehnya apabila disoal oleh mahkamah, pegawai pengendali dan peguam bagi keluarga si mati. Keterangan yang diberikan oleh SI3 tidak banyak membantu mahkamah bagi menjelaskan lompang-lompang yang wujud dalam siasatan.

HASIL POST MORTEM/BEDAH SIASAT

[35] SI19 merupakan doktor patologi yang menjalankan post mortem ke atas si mati. Hasil laporan post mortem (I24) mendapati punca kematian si mati adalah disebabkan oleh:

1a acute myocardial infarction due to;

1b coronary bypass graft disease; and

1c hypertension, diabetes mellitus and stroke.

[36] Keterangan SI19 mengesahkan terdapat kecederaan disebabkan oleh rawatan CPR yang diberikan semasa si mati tiba di hospital dan kecederaan di kaki si mati akibat jatuh. Namun kecederaan-kecederaan ini tidak menyumbang kepada kematian si mati. Si mati pernah menjalani pembedahan pintasan jantung sebelum ini. Si mati juga menghidap penyakit darah tinggi dan kencing manis berdasarkan pemeriksaan pada kedua-dua buah pinggang si mati. SI19 turut mendapati salur-salur darah pintasan jantung si mati telah tersumbat dengan teruk.

[37] Pemeriksaan jantung si mati menunjukkan tanda-tanda serangan jantung yang disebabkan oleh kurangnya bekalan darah ke tisu-tisu jantung yang akibat salur-salur darah jantung dan salur darah pintasan yang telah tersumbat.

[38] SI19 mengesahkan bahawa pengambilan ubat juga merupakan salah satu faktor yang boleh menyebabkan salur darah pintasan tersumbat. SI19 turut mengesahkan penyumbatan salur darah pintasan ini boleh dielakkan dengan memastikan ubat penyakit kencing manis, darah tinggi dan ubat merendahkan lemak/kolestrol sentiasa diambil mengikut jadual. Walau bagaimanapun, tiada ubat yang dikesan terkandung dalam urin dan darah si mati sekali gus menunjukkan si mati tidak diberikan atau makan ubat.

[39] Oleh yang demikian, keterangan konklusif menunjukkan bahawa punca kematian si mati adalah serangan sakit jantung akibat daripada salur darah jantung dan salur darah pintasan yang tersumbat, akibat penyakit darah tinggi, kencing manis serta strok.

PENEMUAN MAHKAMAH

[40] Berdasarkan keterangan saksi-saksi termasuk pegawai penyiasat kes (SI3) mahkamah mendapati di atas imbangan kebarangkalian si mati telah menemui ajalnya akibat 'acute infarct myocardium' iaitu serangan jantung. Bersandarkan dari keseluruhan keterangan yang telah dihadapkan di mahkamah, terdapat unsur-unsur kecuaian berkaitan dengan penahanan si mati di Lokap Berpusat Jinjang Kuala Lumpur.

[41] Dari keterangan SI23, isteri si mati, Janagi a/p Nadarajah, si mati merupakan seorang pesakit jantung dan mempunyai diabetes, pernah mengalami stroke, kabur penglihatan dan berjalan tidak stabil. Si mati telah menjalani pembedahan jantung dan memerlukan sekurang-kurangnya sepuluh jenis ubat termasuk insulin bagi penyakitnya.

[42] Mengikut saksi ini (SI23), si mati telah ditahan pada 29 Jun 2017 lebih kurang 10.30–11 pagi atas tuduhan mengedar dadah. Di sepanjang siasatan inkues dijalankan tiada ada apa-apa keterangan dikemukakan berkenaan dengan perkara ini. Tidak ada seorang pun anggota-anggota yang terlibat di dalam tangkapan dan siasatan kes dadah si mati yang telah tampil bagi menjelaskan keadaan si mati semasa beliau mula-mula ditahan.

[43] Merujuk kepada kes *In Re Chandran Perumal* [2015] 5 LNS 108; [2015] MLRSU 8 di mana YA Dato Ahmad Bache (pada masa tersebut) telah menyatakan, inter alia, seperti berikut:

[33] Mahkamah berpendapat keseluruhan keterangan utama menunjukkan

kecuaian, kegagalan dan keabaian pihak polis untuk memberi apa-apa jenis bantuan khususnya bantuan keperluan ubatan yang mendesak kepada simati sebelum kematian beliau sedangkan mereka mengetahui mengenai perkara ini atau setidak-tidaknya mereka sedar keadaan si mati dalam tempoh tersebut menujukkan si mati memerlukan 'immediate medical attention'. Sewajarnya si mati dihantar ke hospital untuk mendapat rawatan segera. Malahan sepanjang tempoh yang dimaksudkan tidak terdapat apa bentuk sifat perikemanusiaan yang ditunjukkan oleh pihak polis, samada dari IPD Cheras mahupun dari Lokap Dang Wangi, terhadap si mati.

[44] Dalam kes *Ganga Gowri a/p Raja Sundram lwn Pendakwa Raya* [2012] 9 MLJ 733; [2012] 7 CLJ 180; [2012] 1 MLHRU 1, Mahkamah Tinggi menyatakan, antara lain ... 'walau bagaimanapun pada pandangan mahkamah ini bahawa isu mengenai kredibiliti saksi-saksi tidak perlu disentuh memandangkan prosiding inkues tidak melibatkan satu perbicaraan dan tidak sesiapa dipertuduhkan'.

[45] Pihak peguam pemerhati membangkitkan pelbagai isu berkenaan kredibiliti saksi-saksi polis dan kelemahan penyiasatan oleh pihak polis seperti yang telah dibincangkan. Di sini sesuai diulangi apa yang telah dijelaskan dalam *Public Prosecutor v Shanmugam & Ors* [2002] 6 MLJ 562; [2002] 1 LNS 160, bahawa seorang majistret atau koroner adalah terikat dengan keterangan-keterangan dan mencapai keputusannya yang khusus berasaskan fakta-fakta yang ada dan tidak boleh sama sekali menjadikan kemungkinan-kemungkinan dan agakan sebagai asas keputusan tersebut.

KEPUTUSAN/*VERDICT* KORONER

[46] Berdasarkan keterangan saksi-saksi, berikut adalah dapatan fakta oleh mahkamah menurut peruntukan di dalam s 337, Akta 593 (Criminal Procedure Code) di dalam membuat keputusan berhubung sebab dan punca kematian si mati:

(a) siapa si mati?

(i) si mati adalah Benedict a/l Thanilas, seorang lelaki berbangsa India yang berusia 44 tahun ketika meninggal dunia pada 10 Julai 2017; dan

(ii) identiti si mati tidak pernah dipertikaikan oleh mana-mana pihak kerana pengecaman mayat si mati dibuat oleh balu si mati sendiri, SI23 sepertimana dinyatakan di dalam laporan post mortem. SI3 selaku pegawai penyiasat juga mengesahkan bahawa balu si mati hadir semasa post mortem dijalankan.

(b) bila si mati meninggal dunia/mati?

(i) si mati meninggal dunia pada 10 Julai 2017. Walau bagaimanapun, tiada keterangan khusus tentang masa kematian si mati. Hal ini kerana, tiada pegawai perubatan yang dipanggil ke Lokap Berpusat Jinjang selepas si mati rebah untuk mengesahkan sama ada si mati masih hidup atau tidak. Menurut SI17, kematian si mati telah diumumkan pada 6.06 pagi kerana tiada tanda-tanda kehidupan selepas rawatan CPR dan resusitasi diberikan kepada si mati; dan

(ii) laporan SI17 iaitu I37 juga mengesahkan bahawa si mati dibawa ke hospital dalam keadaan telah meninggal dunia (*brought in dead*) kerana tiada tanda-tanda kehidupan semasa tiba di hospital. Oleh itu, tiada keterangan yang jelas berhubung masa kematian sebenar si mati. Kemungkinan si mati meninggal dunia pada atau sebelum 6.06 pagi.

(c) di mana si mati meninggal dunia/mati?

(i) si mati telah meninggal dunia di tempat kejadian iaitu di Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur iaitu tempat si mati ditahan;

(ii) walaupun saksi-saksi anggota lokap iaitu SI2, SI18 dan SI24 mengatakan si mati masih bernafas lemah dan matanya masih bergerak sewaktu dibawa ke hospital, fakta ini tidak dapat dibuktikan secara konklusif. Hal ini kerana, tiada pergerakan atau pernafasan si mati yang dapat dilihat melalui rakaman CCTV; dan

(iii) tambahan pula, SI17 telah mengesahkan bahawa si mati dibawa mati ke hospital. Maka, adalah wajar untuk merumuskan bahawa si mati telah meninggal dunia di Lokap Berpusat Jinjang.

(d) bagaimana si mati meninggal dunia/mati?

(i) si mati meninggal dunia akibat serangan sakit jantung ekoran daripada salur darah jantung dan salur darah pintasan yang tersumbat, akibat penyakit darah tinggi, kencing manis dan strok.

(e) sebab kematian si mati?

(i) sebab kematian si mati ditemui hasil daripada bedah siasat si mati. Laporan post mortem I24 mengesahkan bahawa si mati meninggal dunia disebabkan oleh: '1a acute myocardial infarction due to; 1b coronary bypass graft disease; and 1c hypertension, diabetes mellitus and stroke'; dan

(ii) berdasarkan laporan post mortem, dapat disimpulkan sebab kematian si mati adalah akibat serangan sakit jantung.

(f) adakah sesiapa yang bertanggungjawab secara jenayah berhubung kematian si mati, tanpa membuat apa-apa dapatan mengenai liabiliti jenayah orang itu?

A (i) daripada keseluruhan keterangan, dapat dirumuskan jelas punca kematian si mati adalah disebabkan oleh serangan jantung. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa kemungkinan terdapat pengabaian salah (*unlawful omission*) dari pihak polis sehingga menyebabkan kematian si mati dengan cara tidak memberikan B ubat- ubatan untuk penyakitnya dan tidak membuat tindakan-tindakan sewajarnya bagi memastikan kesihatan si mati sentiasa dalam keadaan yang baik dan terkawal;

(ii) sekiranya si mati diberikan ubat mengikut jadual dan si mati C diberikan rawatan segera, berkemungkinan kematian si mati dapat dielakkan; dan

(iii) pihak lokap seharusnya memastikan rawatan dan perhatian penuh diberikan terutamanya apabila pihak lokap sendiri yang mengambil keputusan untuk menerima tahanan-tahanan berisiko D tinggi dan mempunyai pelbagai penyakit kronik seperti si mati.

[47] Sehubungan itu, atas alasan-alasan yang telah dinyatakan, saya membuat dapatan fakta bahawa ketinggalan atau kegagalan pihak Penjara E Berpusat Jinjang menggunakan kuasa mereka di bawah peruntukan undang-undang yang telah dinyatakan telah turut menyumbang kepada kematian si mati.

[48] Dengan dapatan dari *verdict* ini, saya mengarahkan ketua polis negara F dan peguam negara untuk melakukan apa-apa yang perlu bagi memulakan apa-apa siasatan di bawah kuasa mereka seperti yang termaktub di bawah Kanun Tatacara Jenayah dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan seterusnya menjalankan pendakwaan sekiranya difikirkan wajar.

G PENUTUP

[49] Sebagai penutup, mahkamah ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada TPR Puan Nurliyana bt Mohd Jafri yang bertindak sebagai 'assisting officer', pihak peguam pemerhati dari Tetuan Saibullah MV Nathan H & Co, Encik M Visvanathan bagi pihak keluarga si mati, Encik Low Wei Loke, peguam pemerhati bagi pihak Majlis Peguam Malaysia, isteri si mati dan juga saksi-saksi lain yang telah dipanggil memberikan keterangan mereka semasa inkues ini dijalankan.

I

Sepertimana diputuskan.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar